

Calon proaspirasi menang mudah di UTHM

BATU PAHAT - Calon yang mewakili proaspirasi menang mudah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini selepas memenangi 26 daripada 27 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya kampus universiti itu di sini semalam.



Calon tersebut menyapu bersih sembilan kerusi umum yang dipertandingkan manakala promahasiswa hanya mampu memenangi satu daripada 18 kerusi fakulti pada pilihan raya kampus itu.

Proses pengundian bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang di 13 pusat pengundian dan keputusan diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Prof. Dr. Ir. Abdul Aziz Abdul Samad kira-kira pukul 5 petang.



Bagaimanapun, Abdul Aziz berkata, tidak timbul soal proaspirasi atau promahasiswa kerana pihak universiti tidak membenarkan amalan politik kepartian dalam pilihan raya kampus.

"Tidak timbul soal itu dan tidak kira daripada pihak mana, yang penting semua calon yang memenangi pilihan raya kali ini mesti bekerjasama dengan baik sebagai satu pasukan demi kebaikan dan kemajuan warga universiti," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Abdul Aziz yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, memberitahu, pilihan raya kampus kali ini turut mencatatkan bilangan pengundi teramai iaitu 10,085 orang.

Katanya, jumlah itu mewakili 74.08 peratus daripada keseluruhan 13,614 pengundi yang layak mengundi.

Kejutan turut berlaku apabila pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Dayang Wafiqah Abang Jama'aludin (**gambar**) menerima undi tertinggi untuk kerusi umum iaitu sebanyak 8,207 meninggalkan Yang Dipertua MPP sesi tahun lalu, Mohd. Hafiz Ariffin di tangga kedua dengan undian sebanyak 7,798.